

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK JUSLIE NGEH BIN AJIROL**
(LIBARAN)

NO. SOALAN : **104 (PR-1353-T01241)**

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah dagangan Malaysia bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2017 dan adakah peningkatan atau penurunan dagangan itu disokong oleh dagangan dengan ASEAN, China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2017, Malaysia telah mencatatkan jumlah perdagangan global sebanyak RM1,310.91 billion dengan peningkatan sebanyak 21.7% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, nilai eksport telah meningkat sebanyak 21.3% kepada RM690.25 billion dan nilai import turut meningkat sebanyak 22.0% kepada RM620.66 billion. Jadual 1 menunjukkan perbandingan dagangan global Malaysia bagi tempoh Januari hingga September 2016 dan Januari hingga September 2017.

Jadual 1: Nilai dagangan global Malaysia bagi tempoh Januari-September 2016 dan Januari-September 2017

	Januari- September 2016	Januari- September 2017	Perubahan (%)
Jumlah dagangan (RM bil.)	1,077.54	1,310.91	21.7
Nilai eksport (RM bil.)	568.86	690.25	21.3
Nilai import (RM bil.)	508.68	620.66	22.0
Imbangan dagangan (RM bil.)	60.18	69.59	15.6

Secara kumulatifnya, ASEAN, Republik Rakyat China (RRC), Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun merupakan lima negara/blok ekonomi utama dengan sumbangan sebanyak 70.5% kepada jumlah perdagangan global Malaysia bagi tempoh Januari hingga September 2017.

Di antara lima negara/blok ekonomi ini, RRC merupakan rakan dagangan terbesar negara dengan nilai sebanyak RM293.34 bilion dan peningkatan tertinggi sebanyak 24.8% bagi tempoh Januari hingga September 2017. Jadual 2 menunjukkan perbandingan nilai dagangan Malaysia dengan ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari hingga September 2016 dan Januari hingga September 2017.

Jadual 2: Nilai dagangan Malaysia dengan ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari-September 2016 dan Januari-September 2017

Negara/Blok Ekonomi	Nilai dagangan Januari- September 2016 (RM bil.)	Nilai dagangan Januari- September 2017 (RM bil.)	Perubahan (%)
ASEAN	293.34	361.12	23.1
RRC	170.64	212.94	24.8
Amerika Syarikat	100.70	119.88	19.0
Kesatuan Eropah	108.60	127.40	17.3
Jepun	88.38	103.07	16.6

Eksport negara terbesar bagi tempoh Januari hingga September tahun ini adalah ke ASEAN dengan nilai berjumlah RM202.38 bilion. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan peningkatan, eksport ke RRC mencatatkan peningkatan peratusan tertinggi antara kelima-lima negara/ blok ekonomi tersebut iaitu sebanyak 35.3% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016. Perbandingan nilai eksport Malaysia ke ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari hingga September 2016 dan Januari hingga September 2017 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Nilai eksport Malaysia ke ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari-September 2016 dan Januari-September 2017

Negara/Blok Ekonomi	Nilai eksport Januari-September 2016 (RM bil.)	Nilai eksport Januari-September 2017 (RM bil.)	Perubahan (%)
ASEAN	168.45	202.38	20.1
RRC	67.91	91.87	35.3
Amerika Syarikat	59.35	66.17	11.5
Kesatuan Eropah	57.87	70.90	22.5
Jepun	46.64	56.02	20.1

Nilai import terbesar negara adalah dari ASEAN dengan jumlah sebanyak RM158.74 bilion. Namun, dari lima negara/blok ekonomi tersebut, Amerika Syarikat memegang rekod bagi peningkatan peratusan tertinggi untuk import iaitu sebanyak 29.9% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016. Jadual 4 menunjukkan perbandingan nilai import Malaysia dari ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari hingga September 2016 dan Januari hingga September 2017.

Jadual 4: Nilai import Malaysia dari ASEAN, RRC, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bagi tempoh Januari-September 2016 dan Januari-September 2017

Negara/Blok Ekonomi	Nilai import Januari-September 2016 (RM bil.)	Nilai import Januari-September 2017 (RM bil.)	Perubahan (%)
ASEAN	124.89	158.74	27.1
RRC	102.73	121.08	17.9
Amerika Syarikat	41.35	53.72	29.9
Kesatuan Eropah	50.73	56.50	11.4
Jepun	41.75	47.05	12.7